

PUASA ARAFAH DI MALAYSIA

Oleh:

Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri
Mufti Wilayah Persekutuan

ALHAMDULILLAH, segala puji bagiNya, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi SAW, keluarga, para sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kemudian.

Memandangkan hari Arafah cukup istimewa dalam takwim Islam berdasarkan nas yang banyak termasuklah puasa pada hari tersebut. Antara fadhilatnya seperti mana sabda Rasulullah SAW:

صوْمُ يَوْمِ عَرْفَةِ يُكَفِّرُ سَتِينَ، مَا پَيْبَدَ وَمُسْتَقْبَلٌ

Maksudnya: "Puasa pada hari Arafah menghapuskan dosa dua tahun; tahun lepas dan akan datang."

Riwayat al-Suyuti (5118)

Saya terpanggil membincangkan isu yang begitu hangat dalam media massa dan media sosial berkenaan puasa pada hari Arafah. Ini kerana, berlaku kenampakan anak bulan di Arab Saudi sedangkan tidak di Malaysia. Natijahnya, penentuan puasa hari Arafah berselisih sehari antara kita di Malaysia dengan penduduk di Arab Saudi.

Saya akan cuba perincikan isu ini dalam ruangan yang begitu terhad ini sebagai keterangan dan pendapat untuk khalayak dan orang ramai di Malaysia.

Jawapan saya dalam isu ini berdasarkan kepada beberapa noktah:

* Para alim ulama mengemukakan pelbagai pendapat, dalil dan hujah. Ini menandakan perbincangan ilmiah mula berkembang subur di Malaysia. Walaupun dinyatakan pendapat masingmasing, perlu difahami oleh kita semua, masalah khilafiah yang mana berlapang dada amat penting tanpa berlaku sebarang tuduhan keji dan nista kepada yang tidak sealiran dengan kita.

* Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha telah mengemukakan jawapan panjang lebar dua hari lepas dalam kenyataannya kepada media. Suatu kenyataan yang mesti diterima bahawa ia masalah khilafiah di kalangan ulama. Antaranya:

I. Untuk penentuan awal Zulhijjah 1435H, kebanyakan negara di seluruh dunia telah mencerap hilal pada petang 24 September 2014 yang lalu. Antara negara tersebut termasuklah negara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura yang lebih dikenali dengan MABIMS. Arab Saudi dan negara-negara Timur Tengah juga telah mencerap hilal Zulhijjah pada tarikh yang sama.

Pendapat Ulama Mazhab

Dalam isu melihat anak bulan pada tempat yang berlainan telah menjadi khilaf di kalangan ulama kepada dua.

Pertama: Mazhab Syafie, Ishak Bin Rahawaih, Abdullah bin al-Mubarak dan Ibn Abbas R.A. berpendapat: Setiap tempat yang berjauhan, mengikut ijtihad masing-masing dengan melihat anak bulan dan hisab.

عَنْ كُرَيْبٍ، أَنَّ أُمَّ الْفَضْلِ بِنْتَ الْحَارِثِ، بَعْشَةً إِلَى مُعاوِيَةَ بْنَ الشَّامِ، قَالَ: فَقَدِيمْتُ الشَّامَ، فَقَضَيْتُ حَاجَتَهَا، وَاسْتَهَلَّ عَلَيَّ رَمَضَانُ وَأَنَا بِالشَّامِ، فَرَأَيْتُ الْمَلَالَ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ، ثُمَّ قَدِيمْتُ الْمَدِينَةَ فِي آخِرِ الشَّهْرِ، فَسَأَلَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، ثُمَّ ذَكَرَ الْمَلَالَ فَقَالَ: مَتَى رَأَيْتُمُ الْمَلَالَ؟ فَقُلْتُ: رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ، فَقَالَ: أَنْتَ رَأَيْتَهُ؟ فَقُلْتُ: نَعَمْ، وَرَأَاهُ النَّاسُ، وَصَامُوا وَصَامَ مُعاوِيَةُ، فَقَالَ: "لَكِنَّا رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ السَّبْتِ، فَلَا نَزَالُ نَصُومُ حَتَّى تُكْمِلَ ثَلَاثَيْنَ، أَوْ نَرَاهُ، فَقُلْتُ: أَوْ لَا تَكْتَفِي بِرُؤُسَيْةِ مُعاوِيَةِ وَصِيَامِهِ؟ فَقَالَ: لَا، هَكَذَا أَمْرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " وَشَكَّ يَحْيَى بْنُ يَحْيَى فِي نَكْتُفِي أَوْ تَكْتُفِي

Maksudnya: "Dari Kuraib bahawa Ummu al-Fadl telah menghantarnya menemui Muawiyah di negeri Sham. Kuraib berkata, 'Aku tiba di Sham dan menuaikan hajatnya sedangkan perisytiharan tentang kelihatan anak bulan berkumandang di udara. Aku melihat anak bulan pada malam Jumaat kemudian aku balik ke Madinah pada akhir bulan, pada masa itu aku ditanya oleh Abdullah bin Abbas yang menyebut tentang anak bulan.' Katanya, 'Bilakah kamu melihat anak bulan?' Aku menjawab, 'Kami melihat pada malam Jumaat!' Ibn Abbas bertanya lagi katanya, 'Adakah engkau sendiri melihat anak bulan itu?' Aku menjawab, 'Ya, orang lain pun melihatnya dan mereka itu berpuasa, Muawiyah turut berpuasa.' Ibn Abbas berkata, 'Kami di sini melihat anak bulan pada malam Sabtu, oleh itu kami terus berpuasa hingga kami sempurnakan 30 hari atau hingga kami melihat anak bulan Syawal.' Aku bertanya, 'Tidakkah memadai bagi kamu dengan penglihatan anak bulan itu oleh Muawiyah dan puasanya?' Ibn Abbas menjawab, 'Tidak! Beginilah caranya Rasulullah SAW menyuruh kami...'"

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1087)

Kedua: Jumhur ulama, Hanafi, Maliki dan Hambali termasuk Majlis Fiqh Antarabangsa, Hai'ah Kibar Ulama Saudi dan Dar Ifta Mesir pula berpendapat: "Tiada perbezaan, sepatutnya manamana negara yang telah melihat anak bulan dahulu, semua negara lain jauh atau dekat perlu mengikutnya. Perbezaan tempat naiknya bulan (Matla' alQamar) tidak diambil kira dalam hal ini."

Tarjih

Penulis cenderung kepada pendapat pertama kerana asas hujahannya juga sabit berdasarkan wajah istidlal dalil-dalil tersebut. Begitu juga berdasarkan satu kaedah yang masyhur:

حُكْمُ الْحَاكمِ يَرْفَعُ الْخِلَافَ

Maksudnya: "Keputusan hakim (yakni pemerintah) mengangkat khilaf".

Ini menunjukkan keputusan pemerintah hendaklah dipatuhi kerana boleh mententeramkan masyarakat dan mengharmonikan rakyat serta dapat menunjukkan perasaan kesatuan sesama umat ketika pelaksanaan ibadat.

Dalam *al-Fiqh al-Manhaji* menyebut berkenaan dengan tanggungjawab pemerintah antaranya:

- Antara tanggungjawab terbesar yang diperintahkan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya yang muslim adalah supaya mereka bersatu dengan cara berpegang kepada agama Allah SWT dan tidak berpecah atau bertelagah sesama sendiri. Sesuatu umat tidak akan terselamat daripada angkara perpecahan dan pertelagahan melainkan apabila mereka menyerahkan kepimpinan mereka kepada seorang ketua, iaitu ketua yang dapat menyatukan mereka dan semua pendapat tunduk kepada kebijaksanaannya.
- Kedudukan pemerintah di kalangan semua individu umat pula adalah umpama paksi pada sesuatu bulatan. Dialah yang akan merealisasikan perpaduan dan menjaga keutuhan mereka melalui kepimpinannya. Jawatan tersebut amat perlu demi kestabilan undang-undang dan keharmoniaan keadaan. Ia turut dirasai oleh spesis haiwan dan ternakan.
- Sebahagian besar perlaksanaan hukum-hakam dalam syariat Islam tertakluk kepada kuasa pemerintah. Hukum-hakam itu tidak mungkin dapat dilaksanakan kecuali melalui kuasa dan arahan pemerintah, seperti menghakimi kes-kes mahkamah, melantik para penjaga, mengisyiharkan halangan (al-hajr) dan perang, memeterai perdamaian dan sebagainya. Oleh itu, bagi membolehkan hukum-hakam syarak dilaksanakan sepenuhnya dengan cara yang betul dan diterima oleh Allah SWT, mestilah ada pemerintah yang akan melaksanakan hukum-hakam itu dan memantau perlaksanaannya.
- Dalam syariat Islam, terdapat satu kategori hukum yang disebut sebagai hukum-hakam imamah (pemerintahan) atau hukum-hakam siasah syar'iyyah (politik Islam). Hukum-hakam dalam kategori ini bersifat fleksibel dan syara' tidak memutuskannya secara terperinci. Sebaliknya hukum hakam dalam kategori ini diserahkan kepada pendapat dan ijihad pemerintah berdasarkan kepentingan dan keadaan umat Islam. Contohnya, sebahagian besar hukum hakam berkaitan sistem pengurusan kewangan, gerakan ketenteraan dan pengurusan tawanan.

Jika tiada pemerintah yang berkemampuan dan berwibawa untuk menduduki jawatan ini, sudah tentu segala hukum hakam ini akan terus tergantung tanpa dapat dilaksanakan.

Wajah Istidlalnya ialah: Nabi SAW menyebut dengan kalimah; 'Apabila kamu melihat' menunjukkan hendaklah dilihat anak bulan awal Zulhijah bukan semata-mata di tempat berlakunya manasik haji. Nabi SAW menyebut 'Anak bulan Zulhijah' menunjukkan perintah untuk melihat anak bulan Zulhijah bagi menentukan tarikh Aidiladha atau Hari Raya Korban.

* Hadis 'Aisyah R.A. Rasulullah SAW bersabda:

الِفِطْرُ يَوْمٌ يُفْطِرُ النَّاسُ، وَالْأَضْحَى يَوْمٌ يُضَّحِّي النَّاسُ

Maksudnya: "Hari raya maka berayalah juga manusia (mengikut ketetapan di tempat tersebut), dan apabila raya korban jatuh pada satu hari, manusia turutilah berkurban pada hari terbabit."

Riwayat al-Tirmizi, no. 802. Hadis ini berstatus hasan gharib)

Dalam Syarah Bulugh al-Maram menyebut: "Sabit masuknya hari raya dengan melihat anak bulan Syawal."

Imam al-Tirmizi berkata: "Sebahagian ahli ilmu mentafsirkan hadis ini bahawa puasa dan berbuka mengikut orang ramai dan kebanyakan manusia."

Qias kepada melihat anak bulan Ramadan dan Syawal juga dengan melihat anak bulan Zulhijah, bahkan sabit dalam riwayat yang lain menyebut tentang Hari Raya Aidiladha.

Dalam Tuhfah al-Ahwazi yang menukilkan daripada Subul al-Salam menyebut: "Di sini adalah dalil bahawa yang diiktibar pada sabitan hari raya berdasarkan sepakat orang ramai atau masyarakat di tempat tersebut."

* Hadis Abu Qatadah al-Ansari, Rasulullah SAW bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرْفَةَ

Maksudnya: "Puasa pada hari Arafah".

(Riwayat Muslim)

Hadis ini jelas menunjukkan puasa pada hari Arafah yang mempunyai fadilat yang cukup besar. Dalam riwayat yang lain disebut dengan hari Sembilan Zulhijah menunjukkan bahawa di sana terdapat nama yang lain bagi hari Arafah. Ini berdasarkan riwayat Sunan Abu Daud (2437) dan al-Nasaie (2416).

Hadis berbunyi:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ تَسْعَ ذِي الْحِجَّةِ، وَيَوْمَ عَاشُورَاءَ،
وَثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِّنْ كُلِّ شَهْرٍ

Maksudnya: "Adalah Rasulullah SAW berpuasa pada Sembilan Zulhijah, hari 'Asyura dan tiga hari setiap bulan."

Berdasarkan hadis di atas ia menjadi jawapan yang paling kukuh bahawa rakyat Malaysia berhak berpuasa pada hari Sabtu kerana dikira 9 Zulhijah pada tahun ini berdasarkan ketidaknampakan anak bulan. Ia berlainan dengan Arab Saudi yang nampak anak bulan.

Hujah Akal/Logik

Terdapat banyak hujah akli dan logik akal yang mungkin boleh dikiaskan dalam isu ini. antaranya:

- Sebagaimana kita boleh menerima perbezaan permulaan puasa dan hari raya ‘Eid al-Fitri, maka begitu juga untuk Raya Korban.
- Sebagaimana kita boleh menerima takwim awal Muharam yang berbeza menyebabkan hari sepuluh Muharam dan juga Sembilan Muharam berbeza, maka begitu juga sepatutnya boleh diterima tentang hari Arafah atau Sembilan Zulhijah.
- Hari Arafah adalah hari kesembilan Zulhijah, bermakna selepas itu hari raya. Kalau kita boleh terima perayaan pada hari ahad, maka sewajarnya kita menerima hari sabtu sebagai hari Sembilan Zulhijah buat tahun ini 1435H di Malaysia.
- Sayugia difahami hari kesembilan sehari sahaja atau hari Arafah. Justeru, hujahan dua-dua hari dianggap sebagai hari Arafah iaitu jumaat dan sabtu adalah tidak berbetulan dengan Nas.

Kesimpulan

Alhamdulillah, inilah beberapa dalil dan hujah yang menunjukkan bahawa puasa hari Arafah atau lebih tepat lagi Sembilan Zulhijah berdasarkan kepada melihat anak bulan setempat kerana isu matla’ yang telah dinyatakan oleh Ibn Abbas. Antara logiknya perkara ini ialah bayangkan kalau dahulu komunikasi yang cukup sukar untuk menati satu keputusan dari Kota Mekah atau Madinah, maka sudah barang pasti akan kelewatan dan menyukarkan dalam penentuan satu-satu acara ibadah. Begitu juga walaupun kita berada dalam bentuk kemodenan tetapi perkara seperti terputusnya rangkaian internet dan media moden juga boleh berlaku. Justeru, jalan yang paling selamat ialah dengan meliha bagi setiap tempat anak bulan masing-masing dalam penentuan ibadat.

Suka dipertegaskan sekali lagi bahawa “Kaedah penentuan Aidiladha di Malaysia pada masa kini adalah berpandukan rukyah dan hisab negara sendiri yang telah diputuskan oleh Majlis Raja-Raja Malaysia dalam mesyuaratnya kali ke-164 pada 3 Februari 1994 setelah mendengar pandangan dan syor Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia yang bermuzakarah pada 22 Ogos 1992”.

Semoga dengan pencerahan ini memberikan kepada kita kefahaman yang jelas.